



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MUZIUM NEGARA AJAK RAKYAT SELAMI SEJARAH DAN SENI KOPI

KUALA LUMPUR, 29 November – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menganjurkan **Aroma Kopi: Ekspresi Seni dan Budaya** pada **29 dan 30 November 2025** di **Dataran Muzium Negara**. Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, hari ini.

Bertemakan "**Kopi Menyatukan Komuniti**, program ini diadakan bagi mewujudkan platform interaktif dan budaya yang akan mengetengahkan keunikan kopi yang bukan sahaja terkenal dengan aromanya, malah penuh dengan ekspresi seni, warisan, dan sejarah tempatan.

YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid dalam ucapannya berkata "**Kopi bukan sekadar minuman tetapi merupakan satu simbol budaya yang dapat menyatukan masyarakat merentas pelbagai bangsa, kaum dan agama. Walau di mana jua sama ada di warung, kedai kopi moden, mahupun di ruang tamu rumah, secawan kopi sering menjadi medium mempertemukan komuniti.**"

"**Dalam konteks perpaduan nasional, budaya kopi memberi ruang kepada masyarakat untuk berkumpul, berinteraksi dan mengukuhkan hubungan sosial. Kopi merapatkan jurang, mencipta suasana inklusif dan menjadi titik temu yang memupuk persefahaman**", ujar beliau.

Pelbagai aktiviti menarik telah disusun bagi menjayakan program ini seperti pertandingan kemahiran seperti Demonstrasi *Seni Latte*, Cabaran Menara Kopi, *Brisk Walk @ Kopi-lah KL Fest* dan sesi

perkongsian ilmu bersama MARDI serta bengkel seni produk kopi. Selain itu, turut diadakan ialah satu pameran khas iaitu Pameran “Kopi: Ekspresi Seni dan Budaya” yang menyingkap sejarah kopi tempatan pada 29 November hingga 31 Disember 2025 di Galeri 1, Jabatan Muzium Malaysia.

Program juga akan diserikan dengan segmen hiburan santai seperti Podcast Kopi, persembahan “Irama Secawan Kopi” (Busker), dan aktiviti interaktif untuk pengunjung seperti Kopi Trail dan Mengopi Santai @ Kopi-lah KL Fest. Aktiviti-aktiviti ini dirancang bukan sahaja untuk memupuk kreativiti, tetapi juga untuk mewujudkan ruang interaksi yang sihat dan positif dalam kalangan masyarakat.

Kementerian Perpaduan Negara

29 November 2025

KPN.100-9/1/16 (**99**)